

# Pemimpin UMNO Perlekeh Mahathir

Era Baru - 17/11/2006

## PEMIMPIN UMNO PERLEKEH MAHATHIR

Kata-kata seperti "Lupakan Mahathir", "Meluat dan bosan, gesa letak jawatan dari beberapa jawatan yang dipegangnya, iblis dan syaitan, seperti beruk di dahan yang melompat-lompat dan banyak lagi cercaan dan penghinaan yang dilontarkan terhadap Dr. Mahathir yang tidak syak lagi telah banyak menguris hati kecil beliau yang telah memimpin bangsa dan negara dengan jasanya selama 22 tahun.

ERA BARU terus menerus menerima panggilan telefon dan surat-surat daripada ahli-ahli UMNO di seluruh negara yang melahirkan perasaan kesal dan marah serta dukacita mereka kerana pemimpin yang dihormati oleh segenap lapisan rakyat seperti Dr. Mahathir sanggup dimalu dan dihina oleh bekas Perdana Menteri itu hanyalah untuk mendapatkan jawapan yang tepat kepada beberapa persoalannya yang ada hubungkait dengan kepentingan orang ramai dan negara, yang telah beliau persoalkan tetapi malangnya sehingga kini masih belum lagi terjawab seperti yang diharap-harapkan oleh Dr. Mahathir dan rakyat keseluruhannya.

Umpamanya, soal pengeluaran Permit Import Kereta (AP) yang menurut Menteri Perdagangan Antara bangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz, menteri yang bertanggungjawab sudah pun memberi jawapannya, tetapi jawapan yang diberikan itu bukan sahaja Dr. Mahathir yang tidak berpuas hati dan memerlukan jawapan yang tepat dari Rafidah tetapi ramai pengimport-pengimport kereta mahukan Rafidah memberi jawapan yang tepat dan telus.

Ini kerana pihak MITI memberi syarat kepada semua pengimport iaitu mesti mempunyai bilik pameran, pengalaman, modal dan tidak dibenarkan menjual AP. Tetapi MITI berlaku tidak adil sama sekali dan memberi alasan 'tidak tahu' apabila telah meluluskan beribu-ribu AP kepada seorang dua yang dikatakan mempunyai hubungan

rapat dengan Rafidah dan bukan itu sahaja malah tidak mempunyai bilik pameran dan mereka ini didakwa telah menjual AP yang diperolehi dengan begitu mudah dari kerajaan dengan mengaut keuntungan 'atas angin' jutaan ringgit. Jadi adakah satu kesalahan apabila isu ini dibangkitkan untuk mendapat keadilan?

kepada tanahair, malah akan mudah menjadi alat kepada anasir-anasir luar yang sememangnya mempunyai cita-cita untuk menghancurkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Tanpa orang tua-tua yang berpengalaman yang sanggup berkorban apa sahaja demi untuk UMNO, kepentingan umat Melayu dan negara ini, pemimpin-pemimpin muda jangan begitu yakin dan ghairah dengan kecerdikan pendidikan luar negeri, kepandaian ilmu yang mereka miliki dan kuasa wang ringgit yang ada, belum tentu lagi mereka akan menjadi seorang pemimpin yang baik dan dihormati rakyat.

Tanpa keikhlasan, pengorbanan dan pengalaman untuk berhadapan dengan dugaan, masalah dan ancaman besar yang melibatkan kepentingan bangsa dan kedudukan orang Melayu, sudah tentu mereka ini akan mudah dibuli dan ditekan sehingga terpaksa 'menyerah diri' yang akhirnya tidak mustahil mereka juga sanggup menggadaikan maruah negara.

Saya tahu dan sedar artikel ini barangkali tidak boleh diterima oleh sesetengah pihak tetapi sebagai ahli dan veteran UMNO di bawah 5 kepimpinan Perdana Menteri Malaysia dan kerana saya sayangkan Pak Lah dan kasihkan Dr. Mahathir, saya terpaksa mengingatkan generasi muda supaya sentiasa mengormati pengorbanan dan penat-jerih pemimpin terdahulu yang sanggup bergadai nyawa demi untuk kepentingan negara, UMNO dan umat Islam di negara ini.

Amalkanlah sikap terpuji dengan menghormati orang yang lebih tua dan lebih berpengalaman kerana ini lah budaya dan adat resam Melayu yang sewajarnya dipertahankan. Janganlah mengeluarkan kata-kata penghinaan dan sindiran bida'at yang boleh menghiris hati bekas-bekas pemimpin UMNO yang telah banyak berjasa semata-mata untuk menunjukkan kesetiaan kepada seseorang pemimpin.

Pemimpin datang dan pemimpin pergi, tetapi UMNO akan tetap dipertahankan kerana itu adalah tempat orang Melayu mengadu dan berteduh. Tetapi jika pemimpin-pemimpin yang menerajui kerajaan dan parti tidak bertanggungjawab dan tidak amanah serta sanggup menggunakan wang ringgit membeli kuasa untuk naik ke atas maka kita selaku orang Melayu akan ditimpa mala petaka dan UMNO sendiri akan menerima bahaya di kemudian hari. Perkara seperti inilah yang sangat dikhawatirkan oleh Dr. Mahathir dan orang Melayu keseluruhannya jika pemimpin-pemimpin UMNO lajai dan tidak boleh ditegur di atas kesilapan yang mungkin telah berlaku.

Sehubungan itu, tidak timbul dakwaan kononnya Dr. Mahathir sengaja mengacau pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi kerana ingin menjatuhkan kedudukan Pak Lah yang juga Presiden UMNO. Ini kerana Dr. Mahathir tidak pernah pun mengeluarkan sebarang kenyataan yang mahukan Pak Lah me-

letakkan jawatan.

Saya mengenali agak lama Dr. Mahathir dan tahu hati budinya. Saya yakin Dr. Mahathir menegur cara pentadbiran Pak Lah kerana beliau sayangkan Pak Lah dan UMNO. Dr. Mahathir menegur Pak Lah supaya Pak Lah berusaha mempertingkatkan mutu pentadbiran dan kecenderungannya mengendalikan perjalanan parti, bukannya niat Dr. Mahathir untuk sengaja memburu-burukkan Pak Lah, kerana Dr. Mahathir sendiri yang menamakan Pak Lah sebagai bakal Perdana Menteri dan pemangku Presiden UMNO ketika beliau mahu berundur dan bersara. Pada hemat saya, jika Dr. Mahathir bencikan Pak Lah dan UMNO, beliau sudah tentu tidak akan bersuara, sebaliknya berdiam diri dan membiarkan sahaja UMNO hanyut, diperokotakkan oleh pihak lain dan kepimpinan Pak Lah diperlecehkan.

Tetapi kerana sayangkan UMNO dan Pak Lah, Dr. Mahathir dalam keadaannya yang sepatutnya berehat, sanggup menegur dan menersoalkan beberapa perkara yang diputuskan di dalam pentadbiran Pak Lah yang dianggap tidak memberi manfaat kepada rakyat.

Sepatutnya pemimpin-pemimpin UMNO, menteri kabinet dan ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang menegur dan menasihati Pak Lah jika ada sesuatu perkara yang menimbulkan kekeliruan kepada rakyat, tetapi malangnya mereka ini tidak berani untuk bertanya dan mempersoalkan kepimpinan Pak Lah kerana lebih mengutamakan kepentingan jawatan dan kedudukan. Jadi salahkah Dr. Mahathir dan ahli-ahli UMNO yang lain yang menegur Pak Lah?, sedangkan mereka adalah ahli parti yang membayar yuran dan mempunyai kebebasan untuk bercakap.

Begitu juga pemimpin-pemimpin muda, janganlah terlalu ghairah sangat untuk berkuasa dan sanggup menggunakan wang ringgit untuk membeli kesetiaan dan sokongan. Perbuatan seperti itu bukan sahaja menodai kesucian perjuangan UMNO, malah akan merosakan perpaduan orang Melayu dan meruntuhkan masa depan negara. Pemimpin-pemimpin muda yang angkuh dengan kuasa politik wang bukan sahaja tidak mempunyai semangat kejujuran dan kesetiaan

Perbuatan seperti ini bukan sahaja memalukan bangsa sendiri, tetapi bolen mengundang tanggapan buruk kepada masyarakat bukan Melayu bahawa orang Melayu di dalam UMNO sememangnya Melayu yang tidak mempunyai budi pekerti yang mulia.

Saya angkat topi kepada para pemimpin UMNO dan pembangkang yang telah mengunjungi Dr. Mahathir yang mendapat rawatan di hospital baru-baru ini. Tetapi saya juga amat kesal kerana ada sesetengah pemimpin UMNO sendiri yang kini berada di dalam kabinet adalah juga yang telah mendapat manfaat dan kedudukan semasa Dr. Mahathir berkuasa, langsung tidak menampakkan muka. Mereka tergamak melupai segala jasa baik dan ehsan yang pernah Dr. Mahathir berikan semata-mata bimbang kedudukan akan terjejas. Apa yang dikhawatirkan ialah jika mereka ini sanggup memperlekehkan Dr. Mahathir yang begitu banyak jasanya, adakah Pak Lah akan terlepas dari pengalaman yang sama satu hari nanti.

Sebelum Pak Lah di angkat sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO, sudah ada menteri yang kini masih juga berada di dalam kabinet Pak Lah, sanggup memperlekeh Pak Lah kononnya menurut menteri ini, Pak Lah sentiasa tidur setiap kali mesyuarat kabinet di adakan maka beliau tidak yakin kepada keupayaan dan kepimpinan Pak Lah sejak dari dulu lagi. Tetapi yang anehnya kini menteri tersebut begitu lantang pula mempertahankan kepimpinan Pak Lah dan dilihat begitu sayangkan Pak Lah, tetapi adakah menteri ini akan terus taat dan setia kepada Pak Lah kerana beliau juga pernah mengakui taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap Dr. Mahathir. Orang yang sama inilah juga kini yang tergamak mengutuk dan sanggup menguris hati bos lamanya. Siapakah menteri itu? Carilah jawapannya sendiri.